



BULETIN KEJURUTERAAN

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum dan Salamsejahtera

Pada keluaran buletin edisi ketiga ini, warga fakulti patut berasa bangga kerana baru-baru ini pihak Fakulti telah pun berjaya melaksanakan satu Memorandum Perjanjian Persefahaman Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya(FKUM) dan Infineon. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang telah menjayakan hari yang penuh bermakna kepada Fakulti.

Selain itu kita juga berbangga kerana tiga orang kakitangan akademik iaitu Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi), Prof Madya Ir Dr. Abdul Aziz Abdul Raman-Prof Madya Dr. Hew Wooi Ping dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Prof Madya Dr. Fatimah Ibrahim dari Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan telah berjaya mendapat kenaikan pangkat ke Profesor. Pihak Fakulti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan tersebut.

Tidak lupa juga kita mengucapkan selamat datang kepada Pegawai Kewangan yang baru, Cik Siti Farhah Marhaini Zainal Abidin yang baru menjadi warga Fakulti. Fakulti juga menerima lawatan dari Universiti Anna, Chennai, India dan Universiti Prince of Songkla, Hat Yai, Thailand.

Pada bulan Jun, Universiti Malaya telah mengadakan Audit Kualiti Dalaman UM Bil 13/2012 yang telah diadakan pada 11 Jun hingga 29 Jun 2012, dimana Fakulti Kejuruteraan telah di audit pada 11 Jun hingga 15 Jun 2012.

Akhir kata kepada kakitangan yang beragama Islam diucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan selamat menjalankan ibadah puasa.

Tahniah

Di atas kenaikan pangkat ke Professor



Professor Ir Dr. Abdul Aziz Abdul Raman
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)



Professor Ir Dr. Hew Wooi Ping
Jabatan Kejuruteraan Elektrik



Professor Ir Dr. Fatimah Ibrahim
Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan

STAF BARU

Pihak Fakulti mengalu-alukan kedatangan staf baru ke Fakulti Perubatan



Siti Farhah Marhaini Zainal Abidin
Pegawai Kewangan
Pejabat Dekan
Mula bertugas pada 21 Mei 2012



Mohd Isa bin Mohd Hamdan
Penolong Pegawai Sains
Pejabat Dekan
Mula bertugas pada 18 Jun 2012



Muhamad Radzi bin Ali
Penolong Pegawai Sains
Pejabat Dekan
Mula bertugas pada 21 Jun 2012

LAWATAN AUDIT RUANGAN

Pada 11 Mei 2012, pengurusan Fakulti dan beberapa staf yang dijemput untuk mengadakan lawatan audit di makmal-makmal jabatan untuk mengenal pasti kekurangan ruang berbanding dengan pertambahan pelajar dan peralatan makmal di Fakulti.

Hasil daripada lawatan beberapa ruang telah dapat diperkemaskan dan ruang makmal telah disusun atur semula dengan lebih efektif dari segi pengurusan dan keselamatan makmal.

Pihak Fakulti mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua staf fakulti yang telah memberi kerjasama sepenuhnya.

“Bersatu teguh tanda kejayaan kita”



Memorandum Perjanjian Persefahaman

Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya (FKUM) dan Infineon

Pada 24 Mei 2012, FKUM telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Infineon Technologies (Kulim) Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar semikonduktor. Perjanjian ini merupakan pendekatan oleh kedua-dua pihak dalam usaha melahirkan lebih ramai jurutera profesional di masa hadapan. Usahasama ini dilihat sebagai langkah proaktif yang membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat melalui perkongsian tenaga pakar dalam bidang kajian semikonduktor.



Sebagai langkah permulaan, usahasama yang mengikat perjanjian untuk tempoh 10 tahun ini telah menyaksikan Infineon menyumbangkan peralatan pembelajaran kejuruteraan yang bernilai RM 75,000 kepada FKUM bagi menggalakkan pelajar untuk mempraktikkan ilmu kejuruteraan yang dipelajari secara teori di alam sebenar industri pekerjaan. Sehingga kini, Infineon telah membuat pelaburan bernilai RM 250,000 di FKUM, manakala FKUM akan menyediakan bekalan tenaga kerja jurutera kepada Infineon.



Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor Universiti Malaya, Tan Sri Dr. Ghauth Jasmon yang mewakili FKUM manakala dan Infineon oleh Dr. Thomas Reisinger selaku Timbalan Presiden dan Pengarah Urusan, dan disaksikan oleh YBhg Dato' Rohani Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.



Aktiviti-aktiviti bulan Mei dan Jun 2012



Industrial Talk by Engr. Mahdi Ezwan , Research Engineer,MINT,
tarikh : 2 Mei 2012, tempat : DK 4, masa : 2.30 petang



Industrial Talk by Engr. Ben Dobbs,Parker Hannifin,
tarikh : 16 Mei 2012, tempat : DK 4, masa : 2.30 petang



Industrial Talk by Engr. Izatul Nadia Mohd Yassin,
Zectron Sdn Bhd,
tarikh : 9 Mei 2012, tempat : DK 4, masa : 2.30 petang



Industrial Talk by Engr. Nadhra Haliq, Assistant Project Manager
FN Dairies, Malaysia, tarikh : 23.Mei 2012, tempat : DK 4, masa :
2.30 petang



Kursus Latihan Pengambilan Minit Mesyuarat dan Sistem Fail/
Rekod Yang Efektif, tarikh : 10 - 11 Mei 2012, tempat : Hotel
Singgahsana, Petaling Jaya, masa : 9.00 pagi-5.00 petang



Lawatan dari Anna University, Chennai, India,
tarikh : 23 Mei 2012, tempat : Bilik Persidangan,
masa : 9.30 pagi



Lawatan dari Anna University, Chennai, India, tarikh : 23 Mei 2012,
tempat : Bilik Persidangan, masa : 9.30 pagi



Lawatan dari Universiti Prince of Songkla, Hat Yai, Thailand, tarikh : 1 Jun 2012, tempat : Bilik Persidangan,
masa : 10.00 pagi.



Lawatan Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi) , tempat :TATI (Trenghganu Advanced Technical Institute),Trenghganu,
tarikh : 18.6.2012,



MoU Signing Ceremony Pilot Internship Programme antara pihak Malaysia Petroleum Resources Corporation(MPRC) - Malaysian Oil & Gas Engineering Consultants - Malaysia Research Universities, tarikh : 18 Jun 2012, tempat : KLCC